

TARIKH	26 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	Selengkap



CHE SU...harap dapat haji mabruk

ABDUL AZIZ...berasa sangat teruja

SALMA...temani suami dan kakak ipar

## Bersyukur diiringi adik

**P**ETALING JAYA: "Saya bersyukur kerana akhirnya diberi peluang menjekakkan kaki ke Tanah Suci kerana sejak ketiadaan suami, saya fikir-tiada siapa yang dapat meneman saya ke sana," kata bakal jemaah, Che Su Din.

Che Su, 55, yang ditemui di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya, berkata dia sangat gembira apabila gitirannya ke Makkah diiringi adik lelaki, Abdul Aziz Man, 50, dan adik iparnya, Salma Ahmad, 44.

"Sejak dulu saya terfikir siapalah yang akan me-

ngiringi jika saya dipanggil Tabung Haji untuk ke Tanah Suci dan Alhamdulillah bagi 'pucuk dicita ulam mendatang' apabila saya tersenarai bersama-sama adik lelaki dan isterinya.

"Tiada kata yang dapat diluahkan bagi menyatakan rasa gembira kerana dapat pergi bersama mereka," katanya ketika dijumpai di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya.

Beliau berkata, tiada apa yang diinginkan melainkan mendapat haji mabruk.

"Saya berdoa agar haji diperoleh nanti adalah haji

mabruk," katanya.

Sementara itu, adik lelakinya, Abdul Aziz berkata, dia sangat teruja untuk menunaikan rukun Islam kelima itu apabila dapat pergi bersama isteri dan kakaknya.

"Ini adalah rahmat daripada Ilahi apabila kami semua dapat mengerjakan haji bersama-sama.

"Sedikit pun kami tidak menyangka akan dapat menunaikan haji bersama-sama apalagi pada usia kami ini amat memerlukan teman supaya memudahkan urusan jika ada kangan kami yang kurang sihat," katanya.